

Implikasi Alatan Rangkaian Sosial Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Asniza Musa, Zaidatun Tasir

ABSTRAK

Dimensi bidang pendidikan telah berubah hasil daripada perkembangan teknologi yang pesat. Kemunculan alatan rangkaian sosial telah membolehkan orang ramai berhubung dan bekerjasama menerusi komputer. Populariti pelbagai alatan rangkaian sosial, terutamanya dalam kalangan golongan muda telah mendorong para pendidik untuk menggunakan alatan rangkaian sosial sebagai suatu alatan pendidikan. Tujuan kertas kerja ini adalah untuk membincangkan implikasi penggunaan alatan rangkaian sosial sebagai alatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Alatan rangkaian sosial merupakan suatu alatan di Internet yang bersifat baca/tulis yang membolehkan interaksi dua hala dalam pendidikan di mana pelajar boleh bertukar maklumat dengan guru mereka. Ini akan meningkatkan peranan pelajar sebagai pelajar yang aktif dan memimpin proses pembelajaran dan pembinaan pengetahuan. Dengan menggunakan alatan rangkaian sosial, pelajar tidak lagi hanya bergantung kepada laman web untuk mendapatkan maklumat semata-mata, malah mereka boleh menyediakan maklumat dan berkongsinya dengan pelajar lain yang menggunakan alatan rangkaian sosial.

ABSTRACT

The dimension of education has changed as a result of technology's rapid development. The emergence of social networking tool has enabled people to connect and collaborate throughout computer. The popularity of social networking tool, particularly among young people, has led many educators to use social networking as an educational tool. The purpose of this paper is to discuss the implications of using social networking as a tool in teaching and learning process. Social networking tool is a tool on the Internet with read/write nature that allows for two-way interactions in education, where students can exchange information with their teachers. This will increase the role of students as active learners and lead the processes of learning and knowledge construction. By using the social networking tool, students no longer depend on the web to obtain information, but instead create information and share it with others through the tool.

Pengenalan

Teknologi Internet pada peringkat awal seperti e-mel, laman web dan kumpulan berita telah memberi nilai tambah kepada penyampaian pengetahuan dalam bilik darjah tradisional. Kini teknologi Internet semakin berkembang dengan kemunculan teknologi Web 2.0. Teknologi Web 2.0 seperti blog, wiki dan laman rangkaian sosial akan

memautkan maklumat kepada orang-orang yang saling berhubung. Ini bermakna dimensi bidang pendidikan akan berubah hasil daripada perkembangan teknologi yang pesat ini. Menerusi penggunaan teknologi Web 2.0, para pelajar tidak lagi mencapai web untuk mendapatkan maklumat semata-mata, sebaliknya mereka mencapai dan membina pengetahuan secara kolektif menerusi interaksi sosial (Maloney, 2007). Para penyelidik percaya teknologi ini mempunyai potensi untuk meningkatkan lagi pembelajaran dan interaksi dalam kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru (Hartshorne & Ajjan). Kajian terkini rangkaian sosial banyak dijalankan ke atas implementasi alat-alat rangkaian sosial dalam pendidikan dalam talian. Jadi, kertas kerja ini akan membincangkan implikasi penggunaan alatan rangkaian sosial dalam proses pengajaran dan pembelajaran berpandukan dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji berkaitan.

Web 2.0

Web 2.0 merupakan istilah yang menggambarkan aplikasi Internet kolaboratif yang baru. Web 1.0 peringkat awal adalah statik, berpusat, berasaskan kandungan, sedia dibaca, kaku dan bersifat individu. Sebaliknya, Web 2.0 adalah dinamik, tersebar, berasaskan perkhidmatan, sedia ditulis, bersatu tanpa terikat dan sosial. Perbezaan utama Web 1.0 dengan Web 2.0 adalah dari segi penglibatan pengguna lebih besar dalam membina dan menguruskan isi kandungan, yang mana ini menukar sifat dan nilai sesuatu maklumat (Sendall, Ceccucci & Peslak, 2008).

Teknologi Web 2.0 juga dipanggil sebagai Web sosial termasuklah blog, wiki (Wikipedia), rangkaian sosial (*social networking*) and *social bookmarking* yang dibangunkan untuk menyokong pembelajaran kolaboratif (Ajjan & Hartshorne, 2008; O'Reilly, 2005). Web 2.0 membenarkan dan memudahkan penglibatan aktif setiap pengguna. Ini bermakna menerusi penggunaan teknologi ini para pelajar dan guru menjadi lebih aktif dan terlibat secara individu (Ajjan & Hartshorne, 2008; Maloney, 2007; McLoughlin & Lee, 2007).

Rangkaian Sosial

Bartlett-Bragg (2006) mendefinisikan rangkaian sosial sebagai ruang lingkup aplikasi yang meluaskan kumpulan interaksi dan berkongsi ruang untuk berkolaborasi, hubungan sosial dan mengumpul pertukaran maklumat dalam persekitaran berasaskan web. Definisi ini memberi kefahaman tentang reka bentuk pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pelbagai alatan dan aktiviti yang tersedia melalui rangkaian sosial.

Boyd dan Ellison (2007) pula mendefinisikan rangkaian sosial sebagai perkhidmatan berasaskan web yang membenarkan individu-individu untuk:

- i. Membina profil umum atau separa-umum dalam sistem terbatas,
- ii. Menyatakan senarai pengguna lain dengan orang yang mereka berkongsi suatu hubungan, dan
 - i. Melihat dan menjelajah senarai hubungan mereka dan yang dibuat oleh orang lain dalam sistem.

Kajian menunjukkan ramai pengguna laman rangkaian sosial berkomunikasi dengan orang yang telah sedia dikenali bagi mengekalkan persahabatan berbanding untuk mencari rakan baru (Boyd & Ellison, 2007). Secara demografi, majoriti pengguna Web 2.0 merupakan golongan muda. Kajian di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa pelajar yang sibuk dengan pelajaran sekalipun akan terlibat dengan rangkaian sosial seperti Facebook sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari (Pempek, et. al, 2010) Ini menunjukkan penggunaan rangkaian sosial telah diintegrasikan ke dalam kehidupan harian golongan muda di sana.

Berdasarkan dapatan kajian Batchelder (2010), penglibatan aktif dalam rangkaian sosial memberi makna kepada pelajar dari segi :

- i. Membina keyakinan terhadap keupayaan untuk mencari apa yang diperlukan.
- ii. Kebolehan sebenar dan perkembangan diri.
- iii. Menyelesaikan masalah melalui komunikasi dengan orang lain.
- iv. Menjalin hubungan dengan orang-orang yang telah dikenali.

Antara aktiviti pelajar dalam rangkaian sosial adalah menggabungkan maklumat-maklumat, *tag* dan mentadbir maklumat, mengurus dan menyimpan sumber maklumat, berkolaborasi dan mengawas proses untuk penyelesaian masalah secara khusus. Ini semua dapat dilakukan menerusi penggunaan alatan rangkaian sosial secara efektif (Batchelder , 2010).

Alatan Rangkaian Sosial

Terdapat banyak produk yang diklasifikasikan sebagai alatan rangkaian sosial. Jenis produk yang digunakan oleh pendidik dapat dikategorikan mengikut aktiviti produk berkaitan. Alatan rangkaian sosial adalah bersifat “baca/tulis”, yang memberikan perkhidmatan interaktif kepada pengguna dalam talian. Oleh itu, pengguna boleh mengawal data dan maklumat sendiri (Maloney, 2007). Teknologi ini menjadikan perkongsian isi kandungan dalam kalangan pengguna dan peserta menjadi lebih mudah berbanding masa dulu dan mengubah cara dokumen dicipta, digunakan, dikongsi dan disebar.

Alatan rangkaian sosial juga dilihat mempunyai peranan penting untuk mengubah proses pengajaran dan pembelajaran (Alexander & Levine, 2008). Alatan rangkaian sosial yang memberi perkhidmatan khusus dalam pendidikan termasuklah blog, mikroblog, wiki, *social bookmarking*, perkongsian media dan laman rangkaian sosial.

Integrasi Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Alatan Rangkaian Sosial

Teknologi web 2.0 adalah sebahagian daripada alatan yang guru dapat memanfaatkannya untuk merancang dan membantu pembelajaran pelajar. Memandangkan pengguna alatan rangkaian sosial terdiri daripada golongan muda, mereka pastinya telah mempunyai kepelbagaian pengalaman, kebiasaan, sikap dan pengharapan terhadap teknologi atas talian. Kebanyakan mereka menggunakan alatan tersebut di luar konteks bilik darjah dan bukan untuk tujuan pendidikan (Pempek, et. al, 2010). Oleh itu, para pendidik perlu menyesuaikan model pedagogi jika hendak

menggunakan alatan rangkaian sosial untuk pengajaran dan pembelajaran supaya dapat disesuaikan dengan generasi pelajar baru ini.

Jadual 1 di bawah menunjukkan literatur bagaimana teknologi rangkaian sosial boleh digunakan untuk penghasilan isi kandungan, perkongsian, berinteraksi dan sosial secara kolaboratif.

Jadual 1: Contoh Pengintegrasian Alatan Rangkaian Sosial dalam Pendidikan

Alatan Rangkaian Sosial	Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran	Bentuk Rangkaian Sosial			
		Menjana Kandungan	Berkongsi	Berinteraksi	Bersosial secara kolaboratif
Blog	<ul style="list-style-type: none"> • Blog untuk menulis pengalaman sebenar. • Memaut bersama-sama blog ahli kelas dalam satu bidang bagi memudahkan pengesanan. • Memberi maklum balas kepada pelajar, dengan cepat, dan pelajar juga memberi maklum balas sesama mereka. • Pelajar menggunakan rangkaian rakan sebaya untuk membina pengetahuan sendiri. • Mengemaskini maklumat baru seperti kerja rumah dan tugas. • Menggunakan komen dalam blog dapat menggalakkan pelajar membantu antara satu sama lain dalam penulisan mereka dan mendapatkan respon terhadap satu soalan tanpa mendapat beberapa jawapan yang sama. 	(Chong, E. K. M, 2010) (Simsek, O, 2010)	(Chong, E. K. M, 2010)		(Chong, E. K. M, 2010)

Alatan Rangkaian Sosial	Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran	Bentuk Rangkaian Sosial			
		Menjana Kandungan	Berkongsi	Berinteraksi	Bersosial secara kolaboratif
Microblog	<ul style="list-style-type: none"> Komuniti bilik darjah, meneroka penulisan kolaboratif, respon pembaca, kolaborasi antara sekolah, negeri, pengurusan projek, menilai pendapat, tempat untuk metakognisi, seminar atau sebahagian persembahan atau bengkel, untuk rujukan atau penyelidikan, membimbing perbincangan kelas maya, mencipta pengalaman pembelajaran, suatu Rangkaian Pembelajaran Personal (Personal Learning Network). Digunakan untuk penyebaran bahan dan penerbitan guru, menempatkan sumber asal idea, petikan kata-kata, membenarkan maklum balas yang lebih fokus dan konkrit supaya pelajar menyaring pemikiran dan meningkatkan kemahiran mereka, menggalakkan hubungan professional, penyelidikan bukan formal, penceritaan, mendapatkan maklum balas terhadap idea, kemaskini peristiwa. 		(Ebner, Lienhardt, Rohs, Meyer, 2010)	(Ebner, Lienhardt, Rohs, Meyer, 2010)	(Ebner, Lienhardt, Rohs, Meyer, 2010)

Alatan Rangkaian Sosial	Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran	Bentuk Rangkaian Sosial			
		Menjana Kandungan	Berkongsi	Berinteraksi	Bersosial secara kolaboratif
Wiki	<ul style="list-style-type: none"> • Digunakan untuk projek pelajar, untuk kolaborasi idea dan menguruskan dokumen dan sumber-sumber daripada individu pelajar dan kumpulan. • Digunakan sebagai alat persembahan (sebagai e-portfolio); sebagai satu kumpulan projek penyelidikan bagi bidang tertentu, mengurus dokumen sekolah dan bilik darjah, digunakan sebagai edaran kolaboratif untuk pelajar; bahan penulisan pelajar. • Mencipta dan mengekalkan soalan berkala dalam bilik darjah; sebagai perbincangan bilik darjah dan ruang debat, suatu tempat untuk mengumpul sumber web, menyokong jawatankuasa dll. 	(Ras & Rech, 2009)	(Ras & Rech, 2009)		(Ras & Rech, 2009)
Perkongsi Foto/Slaid (Photo/Slide)	<ul style="list-style-type: none"> • Berkongsi, komen dan menambah catatan terhadap foto dan imej yang hendak digunakan dalam bilik darjah. 	(Sadik, 2009)		(Sadik, 2009)	

Alatan Rangkaian Sosial	Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran	Bentuk Rangkaian Sosial			
		Menjana Kandungan	Berkongsi	Berinteraksi	Bersosial secara kolaboratif
Sharing)	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan penulisan dan kreativiti, mencipta satu persembahan menggunakan gambar foto. • Menggunakan tag untuk mencari foto-foto tempat dan peristiwa di seluruh dunia untuk digunakan dalam bilik darjah. • Menghantar persembahan pelajar kepada penonton autentik dan mendapatkan maklum balas dari seluruh dunia, berkongsi bahan perkembangan profesionalisme dan menjadikannya tersedia di sebarang tempat, masa dan sesiapa saja; menghantar persembahan majlis tertentu. 				
Perkongsian Video (Video Sharing)	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan video perkembangan professional berdasarkan terma sendiri, mencipta video mata pelajaran tertentu dengan pelajar; menggunakan laman perkongsian video untuk mencari video-video isu semasa dll. • 	(Fralinger & Owens, 2009)		(Fralinger & Owens, 2009)	

Alatan Rangkaian Sosial	Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran	Bentuk Rangkaian Sosial			
		Menjana Kandungan	Berkongsi	Berinteraksi	Bersosial secara kolaboratif
Social Bookmarking	<ul style="list-style-type: none"> Mencipta satu set bahan sumber yang boleh dicapai pada mana-mana komputer yang dihubungkan dengan internet, mengendalikan penyelidikan dan berkongsi dengan rakan sebaya. Menjejak pengarang dan buku yang dikemaskini; kumpulan pelajar melaksanakan projek dalam bilik darjah berkongsi <i>bookmark</i> mereka; mengulas <i>bookmark</i> untuk membantu pelajar memilih bahan sumber berguna, menetapkan <i>tag</i> kumpulan untuk berkongsi sumber pendidikan. 		(Abbit, J. T, 2009)		
Laman Rangkaian Sosial (Social Networking Sites)	<ul style="list-style-type: none"> Sokongan peristiwa dan pengekalan, sokongan pasukan dan komuniti, pengumpulan aplikasi media sosial, persekitaran pembelajaran peribadi dll. 	(Pempek, Yermolayeva & Calvert, 2009)	(Mazman & Usluel, 2010) (Pempek, Yermolayeva & Calvert, 2009)	(Mazman & Usluel, 2010) (Pempek, Yermolayeva & Calvert, 2009)	(Mazman & Usluel, 2010) (Pempek, Yermolayeva & Calvert, 2009)

Implikasi Alatan Rangkaian Sosial Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Penggunaan alatan rangkaian sosial menyokong pembentukan pelajar kreatif dan kolektif. Pemikiran kreatif yang maju ke hadapan selalunya merupakan hasil daripada pengetahuan yang kolektif yang terbentuk melalui perkongsian idea dan pengetahuan antara individu-individu secara bebas bagi mendapatkan keputusan yang terbaik. Pengetahuan yang dikongsi secara kolektif ini terus berkembang dan berubah hasil pertanyaan dan penambahbaikan berterusan bersama-sama para penyumbanganya. Kreativiti, pemikiran aras tinggi dan pembinaan pengetahuan boleh digalakkan menerusi aplikasi, produksi dan penerbitan yang direka bentuk dengan baik (Nelson et. al, 2009).

Pembelajaran menjadi lebih bermakna apabila pelajar mencipta dan membina pengetahuan mereka sendiri. Menurut Batchelder (2010), aktiviti-aktiviti dalam rangkaian sosial menyediakan pelajar dengan proses aktif yang memberi makna signifikan kepada mereka. Pelajar dimotivasikan secara semulajadi melalui amalan pedagogi yang berkesan dan penggunaan teknologi. Internet dan alatan rangkaian sosial mampu memberi peluang kepada pelajar untuk mencari maklumat, mengumpul bahan mereka sendiri, berkomunikasi, membina makna, dan menilai hasil akhir. Pelajar dengan amalan pembelajaran terarah sendiri akan mewujudkan suasana pembelajaran aktif.

Integrasi alatan rangkaian sosial yang dimanfaatkan oleh guru yang berkemahiran akan dapat meningkatkan pembelajaran pelajar dan memudahkan pembangunan kemahiran sepanjang hayat seperti kolaborasi, pemikiran kreatif dan pembinaan pengetahuan. Ini bukan membawa maksud kemahiran penting tidak boleh diajar tanpa teknologi, namun kerjasama antara pelajar daripada pelbagai latar belakang akan menambahkan dan mendalamkan lagi pengalaman pelajar. Menurut Batchelder (2010), pengalaman dan aktiviti-aktiviti rangkaian sosial turut memberi pengetahuan baru kepada pelajar tentang sesuatu konsep berdasarkan aktiviti dan keinginan mencari maklumat yang berterusan.

Rumusan

Web 2.0 yang mengandungi pelbagai jenis alatan rangkaian sosial menyediakan kemungkinan untuk berkongsi dan membina pengetahuan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan alatan rangkaian sosial menyediakan satu model pembelajaran dan juga penglibatan dalam masyarakat kepada pelajar. Menerusi penggunaan rangkaian sosial, pelajar mendapat keyakinan baru dan pengalaman

perkembangan diri yang membolehkan mereka membina pengetahuan secara kreatif, terarah sendiri dan belajar sepanjang hayat.

Rujukan

- Abbitt, J. T. (2009). Evaluating the implementation of a Social Bookmarking activity for an undergraduate course. *Journal of Interactive Online Learning*, 8, 1 ISSN: 1541-4914, Muat turun 1 Oktober 2010, dari www.ncolr.org/jiol
- Ajjan, H., & Hartshorne, R. (2008). Investigating faculty decisions to adopt Web 2.0 technologies: theory and empirical tests. *The Internet and Higher Education*, 11(2), 71-80, Muat turun 15 Ogos 2010, daripada pangkalan data Science Direct.
- Alexander, B. (2006). Web 2.0: A new wave of innovation for teaching and learning. *EDUCAUSE Review*, March/April 2006, 33-44, Muat turun 27 September 2010, dari <http://www.educause.edu/ir/library/pdf/erm0621.pdf>
- Bartlett-Bragg, A. (2006). Reflections on pedagogy: reframing practice to foster informal learning with social software. Muat turun pada 22 September 2010, daripada <http://www.dream.sdu.dk/uploads/files/Anne%20Bartlett-Bragg.pdf>
- Batchelder, C. W. (2010). Social software: Participants' experience using social networking for learning (Doctoral dissertation, Capella University, 2010). ProQuest. (UMI No. 3398679).
- Boyd, D. M., & Ellison, N.B. (2007). Social network sites: Definition, history, and scholarship. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13(1), Muat turun 1 Oktober 2010, dari <http://jcmc.indiana.edu/vol13/issue1/boyd.ellison.html>
- Chong, E. K. M. (2010). Using blogging to enhance the initiation of students into academic research. *Computers & Education*, 55, 798-807, Muat turun 6 Oktober 2010, daripada pangkalan data Science Direct.
- Ebner, M., Lienhardt, C., Rohs, M., & Meyer, I. (2010). Microblogs in higher education – A chance to facilitate informal and process-oriented learning?. *Computers & Education*, 55, 92–100, Muat turun 15 Ogos 2010, daripada pangkalan data Science Direct.

Fralinger, B., & Owens, R. (2009). You Tube As A Learning Tool. *Journal of College Teaching and Learning*; 6(8), 12, Muat turun 15 Ogos 2010, daripada pangkalan data Science Direct.

Grosseck, G. (2009). To use or not to use web 2.0 in higher education?, *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 1, 478–482, Muat turun 15 Ogos 2010, daripada pangkalan data Science Direct.

Hartshorne R., & Ajjan H. (2009). Examining student decisions to adopt Web 2.0 technologies: theory and empirical tests. *Journal of Computing in Higher Education*, 21(3), 183-198, Muat turun 15 Ogos 2010, daripada pangkalan data Science Direct.

Maloney, E. (2007). What Web 2.0 can teach us about learning. *Chronicle of Higher Education*. 25(18).

Mazman, S. G., & Usluel, Y. K. (2010). Modeling educational usage of Facebook. *Computers & Education* , 55, 444-453, Muat turun 15 Ogos 2010, daripada pangkalan data Science Direct.

McLoughlin, C., & Lee, M. J. W. (2007). Social software and participatory learning: pedagogical choices with technology affordances in the Web 2.0 era. Kertas kerja dibentangkan di Ascilite, Singapore.

Moore, M. G. (2007). The theory of transactional distance. Dalam M. G. Moore (Pnyt.), *Handbook of distance education* (Ed. Ke-2., ms. 89-105). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Nelson, J., Christopher, A., & Clif, M. (2009). TPACK and Web 2.0: Transformation of Teaching and Learning. *TechTrends*, September/October 2009, 53(5), 80, Muat turun 1 Julai 2010 dari pangkalan data Proquest.

O'Reilly, T. (2005). *What is web 2.0? Design patterns and business models for the next generation of software*, Muat turun 27 September 2010 dari <http://www.oreillynet.com/pub/a/oreilly/tim/news/2005/09/30/what-is-web-20.html>

- Pempek, T. A., Yermolayeva, Y A., & Calvert, S. L. (2009). College students' social networking experiences on Facebook. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 30, 227-238, Muat turun 15 Ogos 2010, daripada pangkalan data Science Direct.
- Ras, E., & Rech, J. (2009). Using Wikis to support the Net Generation in improving knowledge acquisition in capstone projects. *The Journal of Systems and Software*, 82, 553–562, Muat turun 15 Ogos 2010, daripada pangkalan data Science Direct.
- Sadik, A. (2009). Improving pre-service teachers' visual literacy through flickr. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 1, 91–100, , Muat turun 15 Ogos 2010, daripada pangkalan data Science Direct.
- Sendall, P., Ceccucci, W., & Peslak, A. (2008). Web 2.0 matters: An analysis of implementing Web 2.0 in the classroom. *Information System Education Journal*, 6(64), Muat turun 15 April 2010, daripada <http://isedj.org/6/64>
- Simsek, O. (2010). The Effect of Weblog (blog) students' writing performance. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 2, 953–958, Muat turun 6 Oktober 2010, daripada pangkalan data Science Direct.